



'Kunjungan ke Beijing beri manfaat besar kepada rakyat Malaysia'

Oleh Ahmad Suhael Adnan - April 2, 2023 @ 1:00pm

ahmad.suhael@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Lawatan rasmi Datuk Seri Anwar Ibrahim ke China selama tiga hari yang berakhir semalam, memberi manfaat besar kepada rakyat Malaysia.

Perdana Menteri memaklumkan acara rasminya di Beijing itu mendapat sambutan dan tumpuan yang hebat dan luar biasa daripada pelbagai pihak.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan lawatan rasminya itu, yang antara lain berjaya meraih komitmen pelaburan tertinggi dalam sejarah negara berjumlah RM170 bilion, sebagai perkembangan sangat positif.

"Semalam menamatkan acara rasmi saya selama tiga hari di Beijing. Acara rasmi di Beijing itu adalah sebahagian daripada upaya untuk menyegarkan kembali hubungan antara kedua-dua negara sahabat di era pasca pandemik.

"Sambutan dan tumpuan yang diterima hebat dan luar biasa. Saya menganggap ini satu perkembangan sangat positif. Kunjungan ini ternyata memberi manfaat besar kepada rakyat Malaysia," katanya menerusi akaun Facebook miliknya, hari ini.

Anwar tiba di China pada Rabu lalu untuk lawatan rasmi dengan mengetuai delegasi yang turut disertai Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang.

Jadual beliau cukup padat yang antara lain menyaksikan Perdana Menteri mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden China, Xi Jinping di Dewan Besar Rakyat, Beijing, semalam.

Ia adalah pertemuan empat mata pertama dan bersejarah antara kedua-dua pemimpin itu yang mengadakan mesyuarat selama hampir sejam.

Semalam, Anwar turut mengumumkan Malaysia meraih komitmen pelaburan tertinggi dalam sejarah berjumlah RM170 bilion daripada pelabur China.

Ia merangkumi komitmen pelaburan RM100 bilion dipersetujui hasil pertemuan Anwar bersama 50 pelabur berprofil tinggi dan tokoh korporat China pada sesi meja bulat manakala RM70 bilion lagi adalah daripada pemeteraian 19 memorandum persefahaman (MoU) pada Forum Perniagaan Malaysia-China 2023 semalam.

China kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia selama 14 tahun berturut-turut dengan jumlah perdagangan sebanyak AS\$110.6 bilion (RM488 bilion) pada 2022.

Dari segi pelaburan, China adalah pelabur langsung asing terbesar di Malaysia pada tahun lalu, dengan pelaburan berjumlah AS\$12.5 bilion (RM55.16 bilion).

Mengulas lanjut, Anwar yakin hubungan antara Malaysia dan China akan terus disemarakkan, khususnya dalam lapangan perdagangan dan ekonomi melalui Inisiatif Jalur Sutera Baru demi manfaat bersama.

"Sekalung tahniah buat semua pihak yang terbabit dengan acara lawatan rasmi ini, terutamanya pihak kedutaan Malaysia di Beijing dan media tempatan yang komited dan berdedikasi menjayakannya demi rakyat dan negara tercinta," katanya.